



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 21 November 2025

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 20 TAHUN 2025

### PEMBATALAN CUTI REHAT PEGAWAI DAN PEKHIDMAT YANG TELAH DILULUSKAN

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bil 14/2025 telah bersetuju Sistem e-Cuti dinaik taraf dengan menyediakan fungsi permohonan dan kelulusan pembatalan cuti rehat yang telah diluluskan.
- Sehubungan itu, pegawai dan pekhidmat yang ingin membatalkan cuti rehat yang telah diluluskan hendaklah membuat permohonan pembatalan di dalam Sistem e-Cuti **sebelum atau selewat-lewatnya pada hari yang sama (tarikh cuti rehat yang telah diluluskan)**. Sistem menetapkan bahawa pembatalan cuti rehat tidak boleh dipohon selepas tarikh cuti rehat.
- Bagi pembatalan cuti rehat yang belum diluluskan, pegawai dan pekhidmat boleh membatalkan sendiri cuti rehat tersebut di dalam Sistem e-Cuti.
- Bersama-sama ini Tatacara Permohonan Pembatalan Cuti Rehat Yang Telah Diluluskan untuk rujukan. Garis panduan ini adalah **berkuat kuasa mulai 01 Disember 2025**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(EMILIA BINTI KASSIM)